



Call to Industry (CTI)

PERKARA	GANGGUAN SEMENTARA PERKHIDMATAN SISTEM ONEBIZ		
DIKELUARKAN OLEH	KEMAJUAN BANGUNAN / KEMAJUAN INDUSTRI		
TARIKH DIKELUARKAN	10 JUN 2025	TARIKH MANSUH	-
NO PINDAAN	01		

TUJUAN:

Call to industry ini berfungsi sebagai notis kepada semua *Qualified Person* atau *Registered Building Draughtsman* untuk mengambil maklum mengenai gangguan perkhidmatan berkenaan dan perubahan sementara proses penerimaan permohonan bagi perkhidmatan yang terjejas.

Merujuk makluman dari pihak Pusat Kebangsaan E-Kerajaan (EGNC) bersama Kementerian Kewangan dan Ekonomi bertarikh 4 Jun 2025 bahawa kerja-kerja penyelenggaraan termasuk kerja-kerja pengukuhan keselamatan sistem yang dijalankan mulai 5 Jun 2025 adalah masih dalam penyelenggaraan.

Dalam usaha menangani perkhidmatan-perkhidmatan supaya tidak terjejas, *Qualified Person* atau *Registered Building Draughtsman* bolehlah menghadapkan permohonan berkaitan dengan Kemajuan secara manual (hardcopy) melalui kaunter ABCi di tingkat bawah bermula pada 10 Jun 2025 mengikut waktu kaunter dibuka.

Permohonan-permohonan berkaitan dengan kemajuan yang diterima melalui kaunter adalah seperti berikut:-

1. **Permohonan Menyambung Kebenaran Kemajuan (*Renewal of Building Approval*)**
2. **Permohonan Permit Memulakan Kemajuan (Borang C); dan**
3. **Permohonan Kesiapan Kemajuan (OP)**

Permohonan Kebenaran Kemajuan (*Building Approval*) dan Permohonan Perubahan Kepada Pelan Yang Telah Diluluskan (*Deviation to the Approved Plan*) belum dapat diterima melalui kaunter pada masa ini.

Perkhidmatan melalui kaunter ini adalah sementara sahaja dan akan ditamatkan setelah tempoh penyelenggaraan sistem OneBiz siap dilaksanakan oleh pihak EGNC.

Pihak ABCi ingin memohon maaf diatas sebarang kesulitan akibat perkara tersebut dan menghargai kerjasama semua pengguna sepanjang tempoh penyelenggaraan ini dijalankan.

Bagi keterangan lanjut, sila hubungi

Emel: ABCi.customerservice@mod.gov.bn

Whatsapp Hotline ABCi: +673 814 0365

- TAMAT -